

15/11/2003

Kakitangan awam dapat bonus hari ini

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Sebahagian besar daripada kira-kira 950,000 kakitangan awam mendapat bonus setengah bulan gaji hari ini, yang dibayar lebih awal bersama gaji November, sempena sambutan Aidilfitri 10 hari lagi.

Jurucakap Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) ketika dihubungi semalam berkata, sebahagian lagi dijangka menerimanya pada Selasa ini.

Katanya, bayaran penuh setengah bulan gaji diberi kepada anggota perkhidmatan awam yang berkhidmat mulai 1 Julai 2003 hingga 31 Disember 2003.

Bagi kakitangan awam yang berkhidmat kurang enam bulan dalam tempoh Julai hingga Disember 2003, bayaran dibuat secara proportionate berdasarkan gaji akhir mereka terima.

Sementara itu, Penasihat Cuepacs, Datuk N Siva Subramaniam ketika dihubungi pula mengesahkan bahawa bonus yang dimasukkan ke dalam gaji November 2003, akan diterima hari ini.

Difahamkan, kebanyakan mereka yang akan menerima bonus hari ini adalah kakitangan Kementerian Pendidikan termasuk guru.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, ketika membentangkan Bajet 2004 September lalu, mengumumkan pembayaran bonus setengah bulan gaji kepada kakitangan awam.

Ketika membentangkan pakej strategi baru pada Mei lalu, kerajaan juga memberikan bonus setengah bulan gaji kepada kakitangan awam. Ini bermakna, kakitangan awam mendapat bonus sebulan gaji tahun ini.

Tahun lalu, kerajaan memberikan bonus sebulan gaji atau minimum RM1,200 kepada kakitangan awam.

Jurucakap itu menjelaskan, bayaran bonus setengah bulan gaji hari ini adalah selaras keputusan kerajaan membayar imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi bagi kali kedua tahun ini kepada semua kakitangan perkhidmatan awam Persekutuan.

Kakitangan yang layak mendapat imbuhan tahunan itu adalah kumpulan pengurusan dan profesional serta kumpulan sokongan iaitu anggota tetap, sementara, sangkut, sambilan, kontrak dan guru sandaran.

Bayaran khas prestasi pula dibayar kepada kakitangan dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

Kakitangan lain yang layak adalah mereka yang bercuti separuh gaji termasuk cuti belajar dan anggota yang dikenakan hukuman tata tertib seperti amaran untuk anggota awam, amaran atau amaran keras untuk anggota tentera serta polis.

Kakitangan yang tidak layak mendapat bonus itu adalah mereka yang mengambil cuti tanpa gaji mulai 1 Julai 2003 hingga 31 Disember 2003, yang dikenakan hukuman tatatertib, mereka yang dipinjam ke badan antarabangsa dan syarikat swasta mulai 1 Julai 2003 hingga 31 Disember 2003 serta anggota yang ditamatkan perkhidmatan mulai Julai lalu.